



Headline: Kes Macau Scam meningkat 400 peratus
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 25 January 2018

Language: Bahasa Malaysia
Section: Wilayah
Page: 66

Kes Macau Scam meningkat 400 peratus

→ 111 kegiatan penipuan dilaporkan di Pahang sepanjang 2017

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Kegiatan sindiket penipuan Macau Scam di Pahang semakin membimbangkan dengan peningkatan lebih 400 peratus kes dilaporkan kepada polis sepanjang tahun lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Rosli Ab Rahman, berkata seba-

nyak 111 kes penipuan sindiket itu dilaporkan di negeri ini sepanjang 2017, meningkat 90 daripada 21 kes pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, jumlah kerugian juga meningkat kepada RM2.364 juta atau 656.3 peratus berbanding RM360,313.30 yang direkodkan pada 2016.

"Antara daerah mencatatkan peningkatan agak ketara adalah Kuantan, diikuti Bentong dan Temerloh. Daerah lain tidak berlaku



[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]

Rosli menyampaikan sijil penghargaan kepada pegawai polis pada Majlis Perhimpunan Bulanan Polis Kontinjen Pahang di Kuantan, semalam.

peningkatan yang serius.

64 kes tangkapan

"Statistik tangkapan kes Macau Scam di Pahang adalah sebanyak 64 tangkapan tahun lalu, meningkat berbanding 11 tangkapan pada tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Januari 2018 Polis Kontinjen Pahang di sini, semalam.



Jumlah kerugian meningkat RM2.364 juta berbanding RM360,313.30 yang direkodkan pada 2016"

Rosli Ab Rahman,
Ketua Polis Pahang

Rosli berkata, pihaknya juga akan mempertingkatkan lagi usaha untuk menyedarkan masyarakat mengenai sindiket Macau Scam.

Masyarakat perlu waspada

Katanya, polis juga meminta kerjasama pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin tempatan bagi memberi peringatan kepada orang ramai.